

# Lebih RM16,000 jadi rebutan di Tasik UMP, Pekan

PREPODIUM



Dain Nasir Ibrahim (paling kiri) melepaskan sebanyak satu tan ikan patin, tilapia merah dan keli pelbagai.

L ebih satu tan ikan patin, tilapia merah dan keli menantikan peserta yang menyertai Pertandingan Memancing Terbuka di Tasik Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan, pada 16 September ini. Program sempena sambutan bulan kemerdekaan dan Hari Malaysia itu diaturjukur Pusat Sultan dan Kebudayaan UMP (PSK) dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor UMP yang menawarkan hadiah wang tunai lebih RM16,000.

Naib Canselor UMP Prof. Datuk Dr. Dain Nasir Ibrahim berkata, pertandingan memancing kali ini menawarkan hadiah wang tunai RM7,000 kepada pemenang pertama, RM3,000 (naib johan) dan RM1,000 (ketiga). Menurutnya, pemenang tempat keempat hingga ke-10 masing-masing layak menerima RM250, ke-11 hingga ke-20 (RM150), ke-21 hingga ke-30 (RM70) dan ke-31 hingga ke-60 (RM40). Peserta juga berpeluang untuk memenangi cabutan bertuah selain hadiah bonanza.



Pengurus Acara & Tajaan F&N Beverages & Marketing Sdn Bhd, Mohamad Fauzi Ahmad (kanan) dan Pengurus Besar Pembangunan Produk Universal Fitness & Leisure Sdn Bhd, Ahmad Termizi Mahmud mewakili produk Igloo-UFL.

sebuah TV 32 inci untuk pemenang bertuah pada hari tersebut.

"Untuk pertandingan kali ini pihak urus setia melepaskan sebanyak satu tan ikan patin, tilapia merah dan keli pelbagai saiz, sebelum ini aktiviti melepas ikan turut diadakan," katanya pada program pelepasan ikan sempena pertandingan memancing terbuka UMP Pekan, Sabtu lalu.

Yuran penyertaan pertandingan

berkenaan ialah RM40 bagi setiap joran, pendaftaran dibuka bermula 15 September. Pertandingan bermula lapan pagi hingga 12 tengah hari.

Pendaftaran boleh dibuat di meja urus setia di lokasi pertandingan pada Sabtu ini dari pulak 3 petang hingga 10 malam.

Turut memeriahkan Pertandingan Memancing Terbuka di Tasik Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan ini ialah rakan strategik bersama iaitu Oishi Green Tea dan Igloo-UFL.

**PERTANDINGAN MEMANCING TERBUKA**

**SEMPENA SAMBUTAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA**

**16 SEPTEMBER 2017 (SABTU)**  
**TASIK UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)**  
**PEKAN, PAHANG**  
**MASA : 8.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI**

**HODIRAH SRPU BERSIH**

**JUARA RM 7000**  
**KEDUA RM 3000**  
**KETIGA RM 1000**

800 Air OISHI 1.5 liter

**4-10 RM 250** **11-20 RM 150**  
**21-30 RM 70** **31-60 RM 40**

**40 CABUTAN BERTUAH**

**UMPMalaysia**  
**Jorank!**

**PENDAFTARAN**  
**JAM 3 PETANG - 10 MALAM, 15 SEPTEMBER 2017 (JUMAT)**  
**DAN JAM 6.30 PAGI - 10 PAGI, 16 SEPTEMBER 2017 (SABTU)**

**DI KHEMAH URUS SETIA TASIK UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, PEKAN, PAHANG**

**300 T-Shirt Bertaraf Awam**

**Universiti Malaysia PAHANG**  
**OISHI IGLOO**  
**Yuran Penyertaan RM40**  
**1 Joran 2 Mata**